# Kertas Bil. 62/2022

DEWAN NEGERI SELANGOR

**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 25 – 29 JULAI DAN 1 – 2 OGOS 2022**

---

**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (*PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE* - PAC)**

**BERKAITAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM OLEH KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD (KDEBWM)**

**KERTAS BILANGAN 28/2022**

---

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG KERAJAAN (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM OLEH KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD (KDEBWM) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 25 JULAI – 29 JULAI 2022 DAN 01 OGOS – 02 OGOS 2022**

| BIL. | TAJUK PENYATA | | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Kertas Mesyuarat Bil 28 / 2022 | **PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG KERAJAAN (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM OLEH KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD (KDEBWM)** | 6.1 | PAC menyarankan agar KDEBWM perlu memastikan pihak kontraktor yang bakal ditawarkan sepatutnya diberi pilihan sama ada ingin mengguna pakai kompaktor/lori sendiri yang mana ianya hendaklah mengikut spek yang telah ditetapkan oleh KDEBWM dan PBT atau mengguna pakai kompaktor/lori yang disediakan oleh KDEBWM. Selain itu, jumlah lori yang perlu disediakan hendaklah mengikut luas kawasan dan jumlah kutipan di sebuah kawasan. | √ | | **KDEBWM**<br><br>Langkah KDEBWM untuk membuat pelaburan dengan membeli lori kompaktor dan RORO baru untuk digunakan oleh kontraktor ini sebenarnya didasari dari hasil kajian oleh perunding bebas yang dilantik oleh Kerajaan Negeri, PE Research yang mendapati bahawa bilangan lori di lapangan sebelum KDEBWM memulakan operasi di Selangor adalah kurang dari yang dilaporkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Selain itu, kondisi kebanyakkan lori kompaktor dan RORO juga dilaporkan telah agak berusia, usang dan sering mengalami kerosakan.<br><br>Bertitik tolak dari laporan PE Research tersebut, apabila Kerajaan Negeri melantik KDEBWM sebagai *Project Management Company (PMC),* KDEBWM telah mewajibkan semua kontraktor untuk menggunakan lori kompaktor dan RORO baru yang telah dibeli oleh KDEBWM sebagai satu langkah pembaharuan dan penambahbaikan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam secara total di negeri Selangor. |

Tandatangan :

.....................................

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | Langkah ini terbukti berkesan dengan penurunan jumlah aduan yang ketara selain dari pertambahan kuantiti sampah yang dilupuskan di Tapak Pelupusan Sampah yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri.<br><br>Langkah KDEBWM memberikan lori kompaktor dan RORO baru juga sebenarnya dapat membantu kontraktor-kontraktor tersebut meningkatkan daya saing perniagaan mereka di dalam industri pengurusan sisa pepejal kerana ini secara tidak langsung membantu mereka memiliki sendiri aset yang baru yang dibeli melalui KDEBWM. Melalui semakan KDEBWM, kebanyakkan kontraktor sebelum ini hanya menyewa lori kompaktor dan RORO dari pihak lain kerana sukar untuk mendapatkan pembiayaan dari institusi kewangan berikutan syarat pinjaman yang sangat ketat.<br><br>Berkenaan dengan saranan untuk menyediakan jumlah lori mengikut keluasan dan kapasiti sampah yang dijana di sesebuah kawasan, perkara ini sememangnya di dalam perancangan asal KDEBWM. |

Tandatangan :

.........................................

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | Walau bagaimanapun, perancangan ini tidak dapat direalisasikan sepenuhnya kerana peruntukan yang diberikan oleh PBT adalah lebih rendah berbanding peruntukan asal yang dimohon oleh KDEBWM. Sungguhpun begitu, KDEBWM tetap komited memastikan kerja-kerja kutipan sisa pepejal dapat dijalankan dengan efektif dan efisyen menggunakan lori-lori kompaktor dan RORO yang ada dengan cara meningkatkan kekerapan kutipan dan menambah jumlah *trip* sekiranya diperlukan. |

Tandatangan :

……………………………………

Cop Rasmi:

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 6.2 | PAC menyarankan agar KDEBWM mengkaji semula tempoh kontrak yang ditawarkan supaya tempoh kontrak yang ditawarkan tidak terlalu panjang. PAC menyarankan tempoh kontrak selama 2+1 tahun supaya sekiranya berlaku peningkatan kos dan/atau prestasi kerja yang tidak mencapai indeks petunjuk prestasi (KPI), pihak KDEBWM dapat membuat terma kontrak yang baharu dengan membuka tender semula. | | √ | **KDEBWM**<br><br>Tempoh kontrak selama tujuh (7) tahun sebenarnya adalah satu tempoh yang ideal dan mempunyai *economies of scale* bagi membolehkan pihak kontraktor mendapatkan pulangan pelaburan (ROI). Berbanding dengan tempoh kontrak selama 21 tahun yang diberikan kepada syarikat konsesi di negeri-negeri yang menerima pakai Akta 672, kontrak selama tujuh (7) tahun boleh ditakrifkan sebagai satu tempoh yang sederhana dan tidak terlalu panjang.<br><br>Tempoh kontrak yang singkat iaitu selama 2 tahun dan pilihan penyambungan selama setahun lagi (2+1) adalah terlalu singkat dan tidak praktikal dari sudut ekonomi kerana kerja kutipan dan pembersihan melibatkan pelaburan jentera berat yang perlu dibayar balik kepada institusi kewangan dalam masa 5 ke 7 tahun.<br><br>Kontrak perkhidmatan selama tujuh (7) tahun yang ditandatangani di antara PBT dan KDEBWM sememangnya mengandungi klausa khusus berkenaan dengan KPI selain daripada klausa berkenaan semakan harga kontrak. |

Tandatangan : ……………………………………

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 6.3 | PAC menyarankan agar KDEBWM dan MPK memainkan peranan masing-masing untuk membuat teguran dan amaran seterusnya notis berperingkat. Dengan cara ini KDEBWM boleh membuktikan kepada pihak MPK bahawa terdapat masalah di kawasan-kawasan tertentu yang perlu diatasi bersama terlebih dahulu sebelum NTP dikeluarkan. | √ | | **MPK**<br><br>Pihak Majlis sentiasa berkomunikasi dengan pihak KDEBWM bagi permasalahan di lapangan. Namun bagi perkara rutin untuk spesifikasi kerja sedia ada, pihak majlis tidak berkompromi untuk mengeluarkan NTP jika berlaku ketidakpatuhan. Walau bagaimanapun, pihak Majlis sentiasa terbuka untuk menilai semula NTP yang dikeluarkan jika pihak KDEBWM mempunyai justifikasi tepat terhadap NTP yang diberikan. |
| | | | | √ | | **KDEBWM**<br><br>KDEBWM sememangnya sentiasa bekerjasama dengan MPK bagi mengatasi setiap masalah yang timbul di lapangan. Permasalahan yang dihadapi juga akan dimaklumkan dan dibentangkan di dalam mesyuarat prestasi bersama Jabatan Perkhidmatan Persekitaran (JPP) dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar pada setiap bulan di MPK.<br><br>Berbanding MPK yang mempunyai punca kuasa (*authority*) untuk mengeluarkan kompaun kepada penduduk yang |

Tandatangan : ......................................

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | membuang sampah merata-rata, membuang sampah haram dan sebagainya, skop perkhidmatan KDEBWM hanya terbatas kepada operasi kutipan dan pembersihan awam sahaja.<br><br>Justeru, KDEBWM mengalu-alukan dan bersetuju dengan saranan PAC bahawa KDEBWM dan MPK perlu memainkan peranan masing-masing dan tidak menggunakan NTP sebagai satu instrumen untuk menghukum semata-mata tanpa mengkaji kewajaran NTP tersebut dikeluarkan terlebih dahulu. |
| | | 6.4 | Selain dari meletakkan tanggungjawab untuk mengutip pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam kepada pihak KDEBWM, PAC menyarankan program kesedaran kepada penduduk perlu dipelbagaikan dan diperbanyakkan supaya dapat mendidik | √ | | **MBSA**<br><br>MBSA akan melaksanakan dan memperkasakan perkara – perkara berikut untuk meningkatkan kesedaran dan kerjasama di kalangan penduduk:<br><br>(1) Meningkatkan aktiviti promosi melalui perkongsian pelbagai e-poster berkaitan tanggungjawab menjaga kebersihan serta peraturan-peraturan PBT berkaitan penjagaan kebersihan dan alam sekitar melalui semua saluran media sosial Majlis serta saluran di |

Tandatangan :

......................................

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | penduduk serta dalam masa yang sama dapat mewujudkan kerjasama untuk menjaga kebersihan alam sekitar. | | | setiap Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) di kawasan Shah Alam.<br>(2) Memperkasakan aktiviti promosi secara bergerak melalui EAR (*Environmental Awareness Roadshow*) Bus di kawasan tumpuan awam seperti kawasan komersial / pasar atau di kawasan komuniti yang dikenal pasti mempunyai masalah pengurusan sampah dan kebersihan oleh penduduk. |
| | | | √ | | **MBPJ**<br><br>MBPJ turut mengadakan program PJ Bersih, PJ Watch dan strategi ekonomi kitaran yang melibatkan berbagai pihak pemegang taruh untuk meningkatkan kebersihan berdasarkan kepada Dasar Kebersihan Negara Peringkat MBPJ dan Pelan Tindakan Ekonomi Kitaran MBPJ. |
| | | | √ | | **MBSJ**<br><br>MBSJ telah mewujudkan pasukan sukarelawan bersama KDEBWM Subang Jaya bagi melaksanakan program kesedaran menjaga kebersihan pinggir sungai/ anak sungai. |

Tandatangan :

.......................................

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | √ | | MBSJ menyelesaikan Program Kutipan Barangan Kitar Semula Pintu ke Pintu dengan KDEBWM di 15 kawasan perumahan teres melibatkan 5,482 buah rumah.<br><br>**MPK**<br><br>Pihak Majlis sentiasa menjalankan program kesedaran kepada penduduk dalam penjagaan kebersihan dan alam sekitar seperti:<br><br>(1) Program gotong royong bersama penduduk – 368 program sehingga bulan Oktober 2022;<br>(2) Melaksanakan pertandingan kebersihan dan keceriaan kawasan;<br>(3) Menjalankan dialog dan lawatan bersama penduduk dan wakil ketua komuniti;<br>(4) Bekerjasama dengan agensi kerajaan lain seperti Program cegah denggi bersama Pejabat Kesihatan Daerah;<br>(5) Mengedarkan risalah kebersihan kepada penduduk, peniaga dan warga asing; |

Tandatangan : ......................................

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | √ | | (6) Menjalankan kesedaran kitar semula seperti program kitar semula pintu ke pintu dan program kutipan kitar semula di perumahan pangsapuri; dan<br>(7) Bekerjasama dengan penduduk dengan menubuhkan *squad green volunteer* (SGV) yang dianggotai oleh wakil penduduk bagi menyalurkan maklumat kepada pihak Majlis dari segi kebersihan persekitaran.<br><br>**MPAJ**<br><br>Pihak MPAJ telah menjalankan program - program kesedaran kepada penduduk Ampang Jaya. Selain daripada program gotong royong pada tahun 2022, pihak Majlis telah melaksanakan program Kempen Hari-Hari Tiada Sampah dengan bertemakan **TIADA SAMPAH LONGGOK, TIADA SAMPAH TABUR.** Program yang dijalankan adalah seperti berikut: |

| Bil | Program | Pencapaian |
|---|---|---|

Tandatangan : ......................................

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | 1. | *Road Show* Kempen Hari-Hari Tiada Sampah melibatkan JKP Zon di bawah pentadbiran MPAJ<br>- Taklimat Kempen, Pameran dan Edaran Bunting Kempen Hari-Hari Tiada Sampah kepada wakil setiap JKP Zon | Sebanyak 13 JKP telah menyertai Roadshow Kempen Hari-Hari Tiada Sampah |
| | | | | | | 2. | Membuka kaunter pameran melibatkan Kempen Hari-Hari Tiada Sampah kepada penduduk kawasan Ampang Jaya melalui pelbagai program dan aktivit anjuran MPAJ serta Agensi Luaran | Sebanyak 16 kali pameran telah dijalankan sehingga Oktober 2022 |
| | | | | | | 3. | Menganjurkan Pertandingan Taman Perumahan Terbersih MPAJ Tahun 2022 | Sebanyak 13 taman perumahan telah menyertai pertandingan ini |

Tandatangan :

........................................

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG KERAJAAN (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM OLEH KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD (KDEBWM) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 25 JULAI – 29 JULAI 2022 DAN 01 OGOS – 02 OGOS 2022**

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | |

| | | |
|---|---|---|
| | dengan penglibatan JKP Zon di bawah MPAJ | |
| 4. | Menggalakkan kawasan perumahan bertingkat dan tanah melaksanakan program kitar semula dengan mengadakan program pengasingan sisa di punca. | 11 taman perumahan telah melaksanakan program ini sepanjang kempen berlangsung |
| 5. | Melaksanakan program Pertandingan Kutipan Kitar Semula Antara Sekolah melibatkan sekolah-sekolah di kawasan MPAJ | Sebanyak 19 buah sekolah telah menyertai pertandingan ini (10 buah Sekolah Rendah dan 9 buah sekolah Menengah) |

Tandatangan : ........................................

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | √ | | **MPS**<br><br>Majlis akan mengadakan sesi *Townhall* bersama penduduk dan juga Pengurusan Bangunan Strata pada bulan Disember ini bagi mendapatkan maklumbalas berkenaan dengan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam oleh KDEBWM.<br><br>MPS juga akan melaksanakan program pertandingan kampung/strata terbersih pada tahun 2023 bagi mempupuk sikap *sense of belonging* dikalangan penduduk dalam menjaga kebersihan tempat kediaman mereka.<br><br>Sepanjang tahun 2021 dan 2022 juga MPS telah mengadakan Projek Pengindahan Kawasan di sebelas (11) lokasi *hotspot* sampah haram. Projek ini dijalankan bersama penduduk dengan menanam pokok di lokasi sampah haram yang telah dibersihkan. |

Tandatangan :

.......................................

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | √ | | **MPKj**<br><br>MPKj mengambil maklum dan pihak MPKj juga pada ketika ini giat melaksanakan program promosi dan ceramah kesedaran berkaitan alam sekitar dan kepentingan pengurusan sisa yang betul di kalangan penduduk. Program ini juga termasuk menjalankan aktiviti ceramah-ceramah di sekolah sekitar kawasan MPKj. |
| | | | √ | | **MPSp**<br><br>Program-program melibatkan kesedaran menjaga kebersihan alam sekitar dijalankan secara berterusan seperti Program Pengasingan Sampah (KOMPAS), Program Kitar Semula EKSA, Pertandingan Rekacipta Bahan Buangan Terpakai dan juga mempromosikan Pusat-pusat Kitar Semula yang diselia oleh pihak Majlis dengan kerjasama KDEBWM. |
| | | | √ | | **MPKL** |

Tandatangan : ........................................

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | √ | | MPKL telah melakukan banyak program kesedaran kepada penduduk melalui MPP Zon/Ahli Majlis kawasan. Program seperti gotong-royong pembersihan kawasan, menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes dan sebagainya.<br><br>Selain itu, program pengurangan sampah dari punca juga telah dilakukan seperti program pengumpulan minyak masak terpakai dan kitar semula sisa makanan menjadi baja (bokashi).<br><br>Bilangan program adalah seperti berikut:<br><br>(see table below)<br><br>**MPKS** |

| Tahun | Gotong-royong | Minyak masak terpakai/bokashi |
|---|---|---|
| 2020 | 16 | - |
| 2021 | 9 | - |
| 2022 | 48 | 4 |

Tandatangan : ........................................

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | Program kesedaran penjagaan kebersihan persekitaran telah dijalankan selain edaran notis kepada penduduk, kawasan perniagaan dan perindustrian.<br><br>Tindakan penguatkuasaan juga telah dijalankan dan papan tanda penjagaan kebersihan juga telah diletakkan di setiap kawasan pelancongan dan tumpuan awam. Berikut laporan penguatkuasaan sehingga Oktober 2022:<br><br>Bilangan Operasi – 24<br>Bilangan Notis / kompaun - 89<br><br>Kesedaran penduduk semakin meningkat dengan menjalankan program gotong royong pembersihan kawasan perumahan. Pihak Majlis akan membekalkan keperluan gotong royong. Berikut berbezaan jumlah gotong royong sehingga Oktober bagi tahun 2021 dan 2022:<br><br>Tahun 2021 – 16 program<br>Tahun 2022 – 120 program<br><br>Pihak majlis telah menjalankan Program Cintai Sungai Kita dan Program Penanaman Pokok Berembang serta Pembersihan Sungai di Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan Sempena sambutan Hari Sungai Sedunia dan Pra |

Tandatangan : ......................................

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Negeri Selangor pada 15 Oktober 2022 dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar Selangor. |
| | | | | √ | | **MPHS**<br><br>MPHS mengambil maklum perkara ini. Pihak Majlis sentiasa melaksanakan pelbagai kempen seperti *plogging*, Kempen Sayangi Sungai, Kempen Cegah Sampah Haram dengan kerjasama pelbagai NGO, penduduk dan lain-lain. Pihak Majlis turut menjalankan program kitar semula, untuk meningkatkan kesedaran awam tentang pengurusan sisa pepejal yang bijak. |
| | | | | √ | | **MDSB**<br><br>Program Gotong-Royong dijalankan setiap bulan dan mengikut permohonan daripada penduduk serta aktiviti gotong-royong oleh Ahli Majlis. Kabin kitar semula |

Tandatangan : ……………………………………

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | diwujudkan untuk memupuk semangat penduduk untuk turun sama memantau prestasi kontraktor KDEBWM. |
| | | 6.5 | PAC menyarankan agar KDEBWM perlu mengadakan perbincangan berkala bersama PBT dan Ahli Majlis berhubung isu-isu kutipan sampah. Ahli majlis juga perlu lebih kerap mengadakan perbincangan dengan persatuan penduduk di setiap taman untuk memaklumkan dan menekankan fakta bahawa kutipan sampah | √ | | **MBSA**<br><br>MBSA telah melaksanakan perkara-perkara berikut bagi memastikan terdapat perbincangan antara pihak MBSA, Ahli Majlis dan penduduk berkaitan isu-isu di tapak:<br><br>(1) Sesi dialog bersama pihak pengurusan KDEBWM, semua Ahli Majlis MBSA, semua Adun dan Parlimen di kawasan pentadbiran Majlis telah diadakan pada 3 Ogos 2022 bagi membincangkan isu – isu berkaitan pengurusan kutipan sisa domestik dan pembersihan kawasan di tapak.<br><br>(2) Setiap Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) mengadakan mesyuarat secara berkala bersama |

Tandatangan : ......................................

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | akan dibuat pada waktu-waktu tertentu sahaja dan penduduk tidak seharusnya mengharapkan KDEBWM untuk membuat kutipan sampah secara berulang di luar jadual yang ditetapkan. | √ | | pihak KDEBWM, penduduk dan jabatan teknikal MBSA.<br><br>(3) Mewujudkan medium komunikasi melalui aplikasi wasap / telegram antara komuniti, MBSA dan KDEBWM.<br><br>(4) KDEBWM telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa tetap di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kebersihan dan Pengindahan Bandar dan Jawatankuasa Pemantauan Aduan Awam di peringkat MBSA yang mana pihak KDEBWM perlu melaporkan prestasi dan tindakan penyelesaian aduan awam pada setiap bulan serta membincangkan isu-isu yang berkaitan di tapak bersama pihak pengurusan Majlis.<br><br>**MBPJ**<br><br>Mesyuarat bulanan antara Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBPJ dan Pejabat Cawangan PJ KDEBWM diadakan di samping komunikasi dalam *whatsapp Group* serta pendirian papan notis jadual servis. |

Tandatangan :

.......................................

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | √ | | **MBSJ**<br><br>Bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan perkhidmatan KDEBWM, MBSJ sentiasa menyediakan platform kepada Ahli Majlis, wakil penduduk dan KDEBWM untuk mengadakan perbincangan.<br><br>(1) Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan & Kesejahteraan Bandar (sekali sebulan)<br>(2) Lawatan tapak<br>(3) Aplikasi whatsapp Majlis Perwakilan Penduduk<br><br>Walau bagaimanapun, KDEBWM juga bertanggungjawab untuk memainkan peranan dalam penduduk seperti jadual kutipan dan pembersihan di semua kawasan melalui pemasangan papan tanda, edaran e-poster, membuka booth semasa program-program MBSJ termasuk mempromosi aplikasi perkhidmatan KDEBWM iaitu i-Clean. |
| | | | | √ | | **MPK**<br><br>Pihak Majlis sentiasa bersama-sama pihak KDEBWM, Ahli Majlis dalam membincangkan isu serta permasalahan kebersihan. Antara ruang perbincangan adalah melalui: |

Tandatangan :

……………………………………

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | √ | | (1) Mesyuarat jawatankuasa kebersihan dan pengindahan bandar – setiap bulan<br>(2) Mesyuarat jawatankuasa khas klang bersih sihat dan sejahtera – setiap bulan<br>(3) Mesyuarat prestasi KDEBWM bersama Ahli Majlis – 2 bulan sekali<br><br>**MPAJ**<br><br>Perbincangan dan lawatan tapak sering diatur antara pihak MPAJ, Ahli Majlis dan penduduk serta KDEBWM Cawangan Ampang sekiranya berlaku isu-isu yang dibangkitkan oleh penduduk.<br><br>Perbincangan antara MPAJ dan KDEBWM juga diadakan secara berkala. Untuk rekod sehingga Oktober sebanyak 6 kali perjumpaan telah diadakan bagi membincangkan prestasi serta isu-isu yang berkaitan pembersihan awam dan kutipan sisa pepejal.<br><br>Sebanyak 13 kali taklimat Kempen Hari-Hari Tanpa Sampah melibatkan setiap JKP, Ahli Majlis dan Penduduk telah diadakan bagi sesi 2021/2022. |

Tandatangan :

.........................................

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | √ | | Pihak MPAJ akan membuat perjumpaan secara berkala bersama Ahli Majlis dan Wakil Penduduk bersama dengan KDEBWM bermula pada tahun 2023.<br><br>**MPS**<br><br>Majlis mempunyai group whatsapp diantara MPS, wakil KDEBWM, wakil penduduk mengikut setiap zon Ahli Majlis.<br><br>*Group WhatsApp* ini menjadi medium yang baik untuk semua aduan dan makluman berkaitan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di kawasan zon masing-masing. Selain aduan, pihak KDEBWM juga menyalurkan maklumat berkaitan kerosakan lori atau isu berbangkit di tapak dari semasa ke semasa.<br><br>MPS juga mengadakan sesi *town hall* bersama badan pengurusan strata dan wakil penduduk bagi memberikan penerangan berkaitan jadual dan proses perkhidmatan kepada penduduk Selayang.<br><br>Namun MPS bersetuju dengan saranan PAC agar perbincangan berkala bersama PBT, KDEBWM dan Ahli Majlis ini perlu dilakukan. |

Tandatangan : ........................................

Cop Rasmi:

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | √ | | **MPKj**<br><br>Pada ketika ini MPKj giat melaksanakan program *walkabout* bersama Ahli Majlis kawasan yang dijalankan secara mingguan di 23 zon MPP yang terlibat.<br><br>Tujuan program ini adalah untuk meninjau dan mengenalpasti lokasi aduan dan mencari langkah penyelesaian bersama Ahli Majlis dan pihak KDEBWM bagi mendapatkan keputusan dan kesempurnaan dalam pelaksanaan kerja-kerja di lapangan. |
| | | | √ | | **MPSp**<br><br>Perbincangan dan mesyuarat berkala berkaitan prestasi kerja pihak KDEBWM dijalankan bagi proses penambahbaikan dan menyelesaikan isu-isu berbangkit melalui saluran seperti Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Induk yang dihadiri oleh Ahli Majlis. |
| | | | √ | | **MPKL**<br><br>Mesyuarat secara berkala iaitu secara bulanan bersama KDEBWM telah dilakukan. MPKL telah menjemput |

Tandatangan :

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

…………………………………

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>TAJUK PENYATA</th><th colspan="2">SARANAN</th><th>DITERIMA</th><th>DITOLAK</th><th>ULASAN/TINDAKAN MMKN</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td>KDEBWM di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar yang mana ahli meyuarat terdiri daripada ahli majlis dan dipengerusikan oleh Dato' YDP.<br><br><table><tr><th>Tahun</th><th>Bil Mesyuarat</th></tr><tr><td>2021</td><td>12</td></tr><tr><td>2022 sehingga Oktober</td><td>10</td></tr></table></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td>√</td><td></td><td>MPKS<br><br>Perbincangan dan mesyuarat perbincangan bersama KDEBWM telah ditetapkan dalam Sasaran Kerja Tahunan jabatan iaitu sebanyak dua kali setahun.<br><br>Perbentangan berkenaan isu, masalah, cadangan penambahbaikan, prestasi kerja bulanan, NTP dan lain-lain berkaitan akan dibentangkan oleh pihak Majlis.<br><br>Walau bagaimanapun, ketidakpatuhan terhadap skop kerja perkhidmatan tetap berlaku dan berulang. NTP akan dikeluarkan terhadap ketidakpatuhan tersebut.</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td>√</td><td></td><td>MPHS</td></tr>
</table>

Tandatangan ......................................

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG KERAJAAN (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM OLEH KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD (KDEBWM) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 25 JULAI – 29 JULAI 2022 DAN 01 OGOS – 02 OGOS 2022**

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | MPHS mengambil maklum perkara ini. Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kesejahteraan Bandar yang bersidang setiap bulan, perkara-perkara tersebut sering dibincangkan dengan menjadikan Ahli Majlis sebagai media hebahan penduduk. Pendekatan dengan menggunakan aplikasi dalam talian Whatsapp turut digunakan untuk tindakan makluman terus yang segera kepada persatuan penduduk dan Ahli Majlis. |
| | | | | √ | | **MDSB**<br><br>Di MDSB, KDEBWM telah mewujudkan *WhatsApp Group* bersama Ahli Majlis bagi membincangkan isu-isu berkaitan kutipan sampah dan pembersihan awam. Jadual pembersihan dan kutipan sampah juga telah diedarkan kepada Ahli Majlis bertujuan pemakluman kepada pihak penduduk untuk turut sama memantau prestasi kontraktor KDEBWM. |
| | | | | √ | | **KDEBWM**<br><br>KDEBWM bersetuju dengan saranan PAC supaya perbincangan berkala bersama PBT dan Ahli Majlis dapat diaturkan bagi mendapatkan satu solusi mampan yang konklusif untuk menyelesaikan isu-isu kutipan sampah. |

Tandatangan : .......................................

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | KDEBWM, PBT dan Ahli - Ahli Majlis akan bertemu pada setiap bulan melalui platform rasmi seperti Mesyuarat Prestasi Bulanan, Mesyuarat Pengindahan Bandar dan sebagainya bagi membincangkan isu-isu berkaitan kutipan sampah. Selain itu, KDEBWM juga seringkali diundang bagi menghadiri majlis-majlis dialog anjuran persatuan-persatuan penduduk bagi menambah baik mutu serta kualiti perkhidmatan kutipan sampah.<br><br>Selain platform-platform rasmi di atas, KDEBWM juga turut dimasukkan di dalam pelbagai *Whatsapp Group* penduduk sebagai medium komunikasi dua hala bagi menjawab secara terus aduan yang dibuat oleh penduduk dan melaporkan tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan oleh KDEBWM. |
| | | 6.6 | PAC menyarankan agar MPK mengemaskini senarai taman perumahan/penempatan baru yang menggambarkan anggaran kutipan | √ | | **MBSA**<br><br>MBSA telah sedia ada mempunyai rekod inventori bagi pegangan yang diberikan perkhidmatan kutipan sisa domestik serta inventori bagi setiap kemudahan infrastruktur yang diberikan perkhidmatan pembersihan kawasan semasa serahan kepada KDEBWM. Serahan |

Tandatangan : ......................................

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL. | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | sampah yang sebenar dan seterusnya menambahbaik kontrak sedia ada dengan KDEBWM. PBT-PBT lain juga disaran untuk mengambil langkah yang sama. | √<br>√<br>√ | | bagi kawasan baru juga berdasarkan inventori dan kadar harga yang telah ditetapkan.<br><br>**MBPJ**<br><br>Kajian semula dan mengemaskini inventori kawasan dan perincian skop servis dijadual akan bermula pada pertengahan tahun 2023 demi persediaan rundingan dan kajian semula bagi perjanjian yang akan tamat pada Ogos 2025.<br><br>**MBSJ**<br><br>MBSJ akan mengemaskini inventori kawasan kepada KDEBWM setiap kali tambahan kerja (VO) dibuat.<br><br>**MPK**<br><br>MPK secara berkala telah membuat penambahan kuantiti (PK) terhadap kawasan-kawasan baru kepada pihak KDEBWM. Sepanjang tempoh kontrak sehingga sekarang, untuk kutipan sisa pepejal pihak Majlis telah membuat |

Tandatangan : ......................................

Cop Rasmi: Y.B. TUAN NG SZE HAN
